

Ek  
ECONEWS  
KEPAKARAN RASHID DIPERLUKAN KATA PM

KUALA LUMPUR, 16 Ogos (Bernama) -- Perlantikan pengerusi eksekutif Rashid Hussain Berhad, Tan Sri Rashid Hussain sebagai pengarah Khazanah Holdings Berhad bertujuan mendapatkan kepakarannya yang amat penting kepada kerajaan, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

"Rashid boleh mencari kekayaannya sendiri dan beliau tidak perlu mengharapkan maklumat kerajaan untuk berbuat demikian," Dr Mahathir memberitahu pemberita selepas merasmikan Sapura-Nokia Telecommunications Sdn Bhd dan Sapura Electronics Industries Sdn Bhd di sini hari ini.

Beliau berkata demikian sebagai mengulas dakwaan kononnya Rashid tidak seharusnya dilantik sebagai pengarah Khazanah kerana percanggahan kepentingan, memandangkan kedudukannya sebagai broker saham dan bahawa beliau boleh mendapatkan maklumat kerajaan.

Dr Mahathir menyifatkan Rashid sebagai seorang yang berpengetahuan dan "ruqilah jika negara tidak boleh menggunakan kepakarannya semata-mata kerana beberapa orang iri hati terhadap kedudukannya."

"Negara ini memerlukan kepakarannya dan pada masa yang sama, negara tidak boleh berkata seseorang itu patut berhenti kerja sendiri dan berkhidmat dengan kami," kata beliau.

Perdana Menteri berkata bahawa kerajaan sendiri tidak mampu membayar gaji sebanyak yang kini diperolehi oleh Rashid.

"Rashid sudahpun kaya dan berjaya hasil daripada titik peluhnya sendiri... malah kerajaanlah yang mahukan maklumat daripada beliau," kata Dr Mahathir.

Beliau menggesa mereka yang iri hati dan buruk sangka terhadap Rashid supaya melupakan hasrat mereka agar perlantikan itu dibatalkan.

Rashid dilantik sebagai pengarah Khazanah mulai 15 Julai bersama-sama dengan empat orang yang lain daripada sektor awam dan swasta. Khazanah Holdings ialah syarikat pegangan pelaburan kerajaan. -- Bernama